

Dr M gesa laksana agenda baru

BA 18/10/03

PUTRAJAYA: Datuk Seh Dr Mahathir Mohamad menutup Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 malam tadi dengan meminta negara anggota segera merealisasikan agenda baru dunia Islam yang diputuskan pada sidang kali ini.

Perdana Menteri berkata, OIC yang menghadapi pelbagai cabaran, memerlukan program lebih tersusun untuk meningkatkan tahap ekonomi dan penyelarasan segera semua tindakan yang dipersetujui negara anggota.

"Kaedah keseluruhan kita mesti kukuh, konsisten dengan prinsip keadilan dan demokrasi. Kita perlu teguhkan perpaduan, maruah dan perpaduan selain mengembangkan kerjasama kita dalam politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, saintifik dan teknologi," katanya ketika menutup persidangan itu di Pusat Liong-syen Putrajaya (PCC), di sini.

Turut hadir, Presiden Iran, Seyed Mohammad Khatami; Presiden Pakistan, Jeneral Pervez Musharraf; Raja Abdullah dari Jordan; dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Radawi.

Malaysia, pengerusi OIC untuk tempoh tiga tahun akan datang bertanggungjawab mencorakkan hala tuju pertubuhan itu bagi kepentingan 1.3 bilion umat Islam di seluruh dunia.

Sidang kemuncak bertemakan 'Ilmu Pengetahuan dan Akhlak Asas Kemajuan Ummah' yang pertama diadakan di rantau Asia Pasifik, meluluskan dan menerima pakai Deklarasi Putrajaya, satu pelan tindakan lengkap memabitkan bidang poli-

tik, sosial, ekonomi, sains dan teknologi.

Persidangan yang menghimpunkan Raja, keluarga Diraja Arab, Presiden dan Perdana Menteri juga menerima Deklarasi Dialog Wanita Pertama OIC dan Memorandum Keamanan yang disediakan Perikatan Aman Rakyat Malaysia (Aman Malaysia).

Dialog Wanita Pertama OIC menerima pakai resolusi 10 perkara yang antara lain menggesa penubuhan satu sekretariat tetap bagi menangani isu wanita di negara anggota.

Sebagai mengenang jasa dan sumbangan Perdana Menteri kepada dunia Islam, beliau dianugerahkan Sijil Penghargaan, anugerah pertama diberikan kepada mana-mana pengerusi OIC daripada Setiausaha Agung OIC, Dr Abdelouahed Belkeziz.

Pengumuman penganugerahan itu dibuat Presiden Sierra Leone, Ahmad Tejan Kabbah.

Sebelum majlis berakhir, Dr Mahathir mengumumkan sumbangan AS\$1 juta kepada OIC daripada Kerajaan Kuwait.

Persidangan kali ini yang dihadiri 33 ketua negara, adalah kehadiran peringkat tertinggi terbesar dalam sejarah penubuhan OIC.

Setain pemimpin Islam dari Asia Barat, Afrika, Asia dan Pasifik, sidang kemuncak OIC kali ini turut dihadiri Presiden Russia, Vladimir Putin dan Presiden Filipina, Gloria Arroyo Macapagal atas jemputan Malaysia.

Mengenai perjalanan persidangan itu, Dr Mahathir berkata, mesyuarat dua hari itu berjalan lancar kerana ia

memberikan peluang kepada anggota menyatakan pandangan mereka secara terbuka.

'Ada idea yang dimasukkan dalam pelbagai dokumen tetapi ada yang perlu diperincikan seperti mengenai Palestin dan pengwujudan jawatankuasa penyelesaian konflik.

"Bagaimanapun, saya gembira kita menerima Deklarasi Putrajaya yang menjadi pelan bertindak bersepadu. Ia adalah panduan jelas dan tindakan praktikal bagi membantu kita menentukan hala tuju untuk beberapa tahun akan datang," katanya.

Perdana Menteri juga berharap Sekretariat OIC dapat mewujudkan mekanisme bagi melaksanakan semua cadangan perunding dalam penstrukturan semula pertubuhan itu pada mesyuarat peringkat menteri luar di Istanbul, Turki tahun depan.

Dr Mahathir yang akan bersara sebagai Perdana Menteri hujung bulan ini, juga menyatakan rasa terima kasih kepada sokongan yang diberikan pemimpin OIC kepadanya.

"Saya yakin dalam tempoh tiga tahun akan datang, pengerusi baru OIC di bawah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Malaysia akan meneruskan usaha memulihkan OIC supaya menjadi organisasi yang membawa kebaikan kepada semua anggota," katanya.